

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

MEMORANDUM

Daripada : Pengarah Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Kepada : Pengarah Penerangan
UP : Penerbit Iklan Pelita Brunei, Bahagian Akhbar

Tarikh: 26 Safar 1447
20 Ogos 2025

Ruj. Kami: HMSF/TDR/08/2025

Ruj. Tuan:

TAJUK: (RETENDER) FOR SERVICE LEVEL MAINTENANCE CONTRACT AND RELATED WORKS (PACKAGE A) FOR HIS MAJESTY THE SULTAN'S FLIGHT HANGAR 1, HANGAR 2 & PROVISION FOR MINOR WORKS AT BERIBI DEVELOPMENT HOUSING INFRASTRUCTURE

BILANGAN TAWARAN: HMSF/TDR/08/2025

Dengan hormat merujuk perkara tersebut diatas.

Sehubungan itu, sukacita dipohonkan kerjasama pihak Tuan untuk mengiklankan notis tawaran berkenaan mulai 01 September 2025 hingga 10 September 2025 di dalam Pelita Brunei dan tarikh akhir mengambil dokumen pada 16 September 2025.

Dikembarkan bersama ini satu set kenyataan tawaran untuk rujukan dan salinannya akan dihantar melalui iklan.pb@information.gov.bn.

Sekian disampaikan untuk makluman dan tindakan pihak Tuan mengenainya.

"Belia Nadi Pembangunan Negara"

[KOLONEL (B) HISHAMUDDIN BIN ABIDIN]
Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

sk:

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan
Pegawai Kewangan Kanan
Jurutera Kerja
Jurutera Hangar
Unit Pemantauan

HMS/hahm



PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

NOTIS TAWARAN BILANGAN: HMSF/TDR/08/2025

**(RETENDER) FOR SERVICE LEVEL MAINTENANCE CONTRACT AND
RELATED WORKS (PACKAGE A) FOR HIS MAJESTY THE SULTAN'S FLIGHT
HANGAR 1, HANGAR 2 & PROVISION FOR MINOR WORKS AT BERIBI
DEVELOPMENT HOUSING INFRASTRUCTURE**

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam yang mempunyai Sijil Pendaftaran Akta nama-nama perniagaan (Section 16 & 17) atau form X yang sah dan mempunyai Kelas III ke atas.
2. Syarikat tempatan yang mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam kerja-kerja pemeliharaan bangunan. Syarikat dimestikan juga menghadapkan profil syarikat (*company profile*) ke atas pengalaman kerja yang pernah dilaksanakan dan yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.
3. Dokumen tawaran berharga **\$500.00** (tidak dikembalikan) bolehlah diperolehi daripada Unit Pemantauan, Pejabat Penerbangan Kebawah Duli yang Maha Mulia, Lebuhraya Rimba, Bandar Seri Begawan BB2713, Negara Brunei Darussalam. Sebarang pertanyaan, sila berhubung di talian telefon 2460043 Ext. 2109 & 2180. Tarikh akhir mengambil dokumen tersebut adalah pada **16 September 2025**.
4. Penender mestilah membawa bersama Sijil Pendaftaran Perniagaan semasa melakukan pembayaran.
5. Penender adalah bertanggungjawab bagi memastikan dokumen-dokumen berikut dikemas kini dan disahkan sebelum membuat pembelian dokumen tawaran:
 - i) Sijil Pendaftaran Syarikat dan Form 16 & 17 atau Form X;
 - ii) Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Pembangunan yang dikemas kini dan sah, dan menepati Kelas dan Kategori yang akan diikuti;
 - iii) Sijil Pengutipan Cukai Tahunan (*Tax Compliance Certificate*) dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang terkini dan sah.
 - iv) *Statement of Annual Returns* yang terkini dan sah.
 - v) Sijil Pendaftaran TAP (bagi syarikat dan pekerja tempatan) yang terkini dan sah.
 - vi) Pengakuan Integriti Penender (Tenderer's Integrity Declaration)

Kegagalan penender dalam menyediakan dokumen-dokumen tersebut di atas boleh menyebabkan tawaran dihadapkan tidak sah dan tidak akan dinilai.

6. Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari syarikat dan kad pengenalan wakil untuk rujukan Jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.
7. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti syarikat dan di alamatkan kepada:

**Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil
Tingkat 1, Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Commonwealth Drive
Jalan Kebangsaan
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam**

tidak lewat **Selasa, 07 Oktober 2025, Jam 2.00 petang.**

8. Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang tawaran yang di sediakan dengan menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan.
9. Tawaran akan dikira sah laku dalam tempoh 270 hari dari tarikh akhir menghantar tawaran.
10. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut Garispanduan Peraturan Kewangan 2022.
11. Kerajaan Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.